

## Pemakaian Seksyen 4(2)(a) Akta Kontrak 1950 Dalam Era Elektronik

Razani bin Ab. Rahim  
Panel Undang-Undang & Pentadbiran Harta Tanah  
Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi  
Universiti Teknologi Malaysia

### Abstrak

Menurut seksyen 4(2)(a) Akta Kontrak 1950, sebaik sahaja surat dimasukkan ke dalam peti surat untuk menyatakan persetujuan terhadap terma-terma tawaran, perjanjian terbentuk, walaupun surat itu tidak sampai ke tangan pembuat tawaran. Oleh itu, tujuan artikel ini ditulis adalah untuk melihat had-had atau batasan-batasan kaedah penerimaan di bawah seksyen 4(2)(a) dan juga membincangkan masalah-masalah yang timbul daripada teknik komunikasi yang lebih moden di zaman ini.

### 1.0PENGENALAN

Undang-undang kontrak di Malaysia adalah berdasarkan kepada Akta Kontrak 1950 (Akta 136) yang mula berkuatkuasa di Negeri-Negeri Melayu pada 23hb Mei 1950 dan diperluaskan ke Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak mulai 1hb Julai 1974. Walaubagaimanapun, prinsip undang-undang Common Law Inggeris dan adat resam perniagaan masih terpakai dalam aspek-aspek kontrak dengan syarat ia tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan dalam Akta tersebut. Di bawah Akta ini, sesuatu kontrak yang sah dan boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang hanya akan terbentuk apabila ia mengandungi semua elemen-elemen yang diperlukan seperti tawaran, penerimaan, balasan, niat, kerelaan, keupayaan dan ketentuan. Apabila salah satu daripada elemen-elemen ini tidak wujud, kontrak tersebut mungkin hanya akan wujud sebagai kontrak boleh batal (*voidable contract*) ataupun perjanjian terbatal (*void agreement*).

Salah satu daripada elemen yang akan dibincangkan di sini adalah penerimaan. Menurut seksyen 2(b) Akta Kontrak 1950, penerimaan itu dikatakan berlaku apabila penerima tawaran (*offeree*) menyatakan persetujuan ke atas tawaran itu dan apabila tawaran diterima, ia menjadi satu perjanjian. Sesuatu tawaran hanya boleh diterima oleh pihak yang diberi tawaran sahaja, melainkan jika tawaran itu ditujukan kepada khalayak ramai.

### 2.0 PRINSIP AM PENERIMAAN

Akta Kontrak memperuntukkan beberapa prinsip berkenaan dengan penerimaan. Salah satu daripadanya dinyatakan oleh seksyen 2(b). Menurut seksyen ini, sesuatu penerimaan hendaklah dikomunikasikan kepada pembuat tawaran sebelum ia lengkap dan mengikat pembuat tawaran. Ungkapan "menyatakan persetujuan" di dalam seksyen 2(b) itu jelas menghendaki sesuatu tindakan penerimaan yang positif daripada pihak penerima tawaran. Oleh itu, sesuatu penerimaan hanya mula berkuatkuasa daripada saat ia dikomunikasikan kepada pembuat tawaran. Berkenaan dengan hal ini, mahkamah Inggeris dalam kes *Felthouse Iwn Bindley (1862) 142 ER 1037* telah memutuskan bahawa perbuatan mendiarkan diri oleh penerima tawaran tidak membuktikan kesanggupannya menerima tawaran tersebut.

Walaupun bagaimanapun, prinsip ini tertakluk kepada beberapa pengecualian yang tertentu. Salah satu daripada pengecualian ini berkaitan dengan penerimaan yang dihantar melalui pos, sepertimana yang terkandung di dalam seksyen 4(2) Akta Kontrak. Seksyen 4(2) itu menyebut bahawa:

*“(a) Komunikasi penerimaan adalah lengkap terhadap pembuat tawaran bila komunikasi penerimaan itu telah dimasukkan ke dalam perjalanan pengiriman kepadanya, di mana ianya (komunikasi penerimaan) berada di luar kuasa penerima.*

*(b) Komunikasi penerimaan adalah lengkap terhadap penerima apabila komunikasi penerimaan itu telah sampai ke pengetahuan pembuat tawaran. “*

Oleh itu, menurut seksyen 4(2)(a) di atas, seseorang pembuat tawaran terikat dengan janjinya walaupun ia tidak mempunyai pengetahuan yang sebenar mengenai penerimaan itu. Dengan lain perkataan, apabila penerima telah mengirinkan suratnya ke dalam peti surat (di mana dia tidak mempunyai kuasa lagi ke atasnya), pembuat tawaran terikat dengan penerimaan itu, walaupun surat itu hilang dalam perjalanan atau terlambat sampai. Sebaliknya, menurut seksyen 4(2)(b) pula, penerimaan yang dihantar itu hanya mengikat penerima tawaran apabila notis penerimaannya itu sampai ke tangan pembuat tawaran.

Prinsip yang terkandung di dalam seksyen 4(2)(a) ini adalah bersamaan dengan kedudukan di bawah undang-undang kontrak Inggeris di mana Lord Justice Denning dalam kes *Entores Limited twn Miles Far East Corporation (1955) 2 QB 327* pernah menyatakan bahawa:

*“apabila kontrak dibuat secara pos, komunikasi penerimaan adalah lengkap dan efektif sebaik sahaja surat itu dimasukkan ke dalam peti surat dan itulah tempat bermulanya kontrak yang mana ia mengikat pembuat tawaran.”*

Pemakaian seksyen 4(2)(a) di Malaysia boleh dilihat di dalam kes yang berlaku di Selangor iaitu *Ignatius twn Bell (1913) 2 FMSLR 115*. Dalam kes ini, pihak defendan (Bell) telah memberi opsiyen<sup>1</sup> untuk membeli sebidang tanah kepada plaintif. Opsiyen itu mestilah digunakan pada atau sebelum 20hb Ogos 1912. Kedua-dua pihak itu berniat untuk menggunakan pos sebagai cara komunikasi. Plaintif telah mengirinkan notis penerimaannya melalui pos berdaftar pada 16hb Ogos tetapi ianya hanya sampai ke tangan defendan pada petang 25hb Ogos. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa berdasarkan kepada seksyen 4 Enakmen Kontrak, opsiyen tersebut telah digunakan oleh plaintif dengan betul dan notis penerimaannya telah dihantarkan pada 16hb Ogos di mana pada tarikh tersebut defendan telah terikat dengan kontrak dan pada 25hb Ogos, plaintif baru terikat dengan kontrak. Sepertimana yang dijelaskan oleh Woodward JC:

*“... penerimaan itu sempurna terhadap Mr Bell apabila ia dimasukkan ke dalam pos untuk penghantaran kepadanya dan dengan itu ia terkeluar dari kuasa plaintif ...”*

Prinsip penerimaan melalui pos ini, walaupun kelihatan berat sebelah adalah merupakan kaedah yang paling sesuai. Antara sebab mengapa prinsip ini dilahirkan adalah untuk mengelakkan pembuat tawaran daripada membatalkan tawarannya semasa penerimaan itu dalam perjalanan. Oleh itu, pembuat tawaran yang mahukan tawarannya diterima melalui pos adalah diingatkan supaya berhati-hati ataupun memasukkan syarat bahawa dia hanya akan terikat apabila menerima surat penerimaan kerana salah satu risiko yang perlu dihadapi oleh pembuat tawaran adalah apabila surat itu hilang atau terlewat sampai.

### 3.0 BATASAN KE ATAS PEMAKAIAN SEKSYEN 4(2)(a) AKTA KONTRAK 1950

Berdasarkan kepada nas-nas yang terdahulu, prinsip yang terkandung di dalam seksyen 4(2) ini tertakluk kepada beberapa batasan, iaitu:-

- (i) Prinsip ini hanya terpakai ke atas penerimaan sahaja. Oleh itu, ia tidak boleh digunakan dalam kes-kes tawaran, pembatalan tawaran, tawaran balas ataupun penarikan balik penerimaan.
- (ii) Prinsip ini hanya terpakai di mana pihak-pihak itu telah berniat untuk menggunakan pos sebagai cara komunikasi sepertimana yang telah berlaku di dalam kes *Ignatius lwn Bell (1913) 2 FMSLR 115*.
- (iii) Prinsip ini bagaimanapun tidak akan terpakai dalam keadaan di mana pembuat tawaran telah menetapkan bahawa notis penerimaan hendaklah sampai ke pengetahuannya. Contohnya, dalam kes *Holwell Securities Limited lwn Hughes. (1974) 1 All ER 161*, pembuat tawaran telah menetapkan bahawa penerimaan tawaran hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar sendiri kepada pembuat tawaran dan mahkamah memutuskan bahawa perbuatan mengeposkan surat penerimaan tidak memadai untuk membentuk perjanjian yang sah.

Walau bagaimanapun, tertakluk kepada batasan-batasan di atas, prinsip di bawah seksyen 4(2) ini juga boleh digunakan kepada penerimaan yang dihantar melalui telegram. Mahkamah Inggeris dalam kes *Cowan lwn O'Connor (1888) 20 QBD 640* dan *Bruner lwn Moore (1904) 1 Ch 305* telah memutuskan bahawa penerimaan yang dihantar melalui telegram mula berkuatkuasa apabila borang yang mengandungi pesanan telegram itu diserahkan kepada kaunter untuk dihantar.

Persoalannya sekarang adalah sama ada seksyen 4(2) Akta Kontrak ini juga terpakai kepada penerimaan yang dihantar melalui perkhidmatan kurier-kurier seperti Federal Express yang kini bersaing dengan Syarikat Pos Malaysia Berhad. Perkhidmatan kurier ini mempunyai ciri-ciri yang sama sepertimana dengan pos dan dengan itu, walaupun tiada sebarang nas mengenai hal ini, tiada sebarang alasan kenapa notis penerimaan tidak boleh menjadi efektif ketika ia diserahkan kepada syarikat kurier. Sebaliknya, jika seksyen ini tidak boleh digunakan, isu yang akan timbul adalah berkenaan dengan saat penerimaan itu mula berkuatkuasa, iaitu, sama ada ketika ia disampaikan, dibuka ataupun dibaca oleh pembuat tawaran.

### 4.0 SEKSYEN 4(2)(a) AKTA KONTRAK DAN KOMUNIKASI SECARA ELEKTRONIK

Kemajuan di dalam cara manusia berkomunikasi, sama ada menerusi telex, faksimili dan E-mail telah menimbulkan berbagai-bagai persoalan mengenai saat sesuatu penerimaan itu mula berkuatkuasa dan seterusnya membentuk perjanjian antara dua pihak terbabit. Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kita telah dapati bahawa kaedah penerimaan melalui pos sepertimana yang diperuntukkan oleh seksyen 4(2)(a) Akta Kontrak adalah bertujuan untuk memberi kemudahan perdagangan (*commercial convenience*) dan seterusnya mencapai kecekapan perniagaan (*business efficiency*). Oleh yang demikian, persoalan yang timbul adalah sama ada kaedah yang sama hendak digunakan dalam kes-kes di mana penerimaan dihantar melalui komunikasi elektronik atas dasar *commercial convenience* dan *business efficiency*.

Salah satu nas-nas yang terdahulu yang boleh dijadikan sumber rujukan dalam perkara ini adalah *Entores Limited lwn Miles Far East Corporation (1955) 2 QB 327*. Persoalan dalam kes ini adalah berkenaan dengan saat penerimaan melalui telex mula berkuatkuasa. Plaintiff merupakan sebuah syarikat yang beribu pejabat di London manakala defendan pula adalah sebuah syarikat Amerika yang beribu pejabat di Amsterdam, Belanda. Setiap syarikat mempunyai mesin telexnya sendiri dan melalui sistem telex ini, komunikasi boleh dibuat secara langsung dan spontan. Plaintiff telah menawarkan untuk menjual logam kepada defendan melalui telex dan defendan telah menghantar persetujuannya melalui cara yang sama. Defendan kemudiannya telah melakukan pecah kontrak dan plaintiff telah berhujah bahawa kontrak melalui telex telah terbentuk di London iaitu tempat di mana penerimaan berkuatkuasa. Lord Denning berpendapat bahawa disebabkan telex adalah kaedah komunikasi secara spontan dan dengan itu berbeza daripada komunikasi melalui pos atau telegram, maka, penerimaan

melalui telex mula berkuatkuasa pada saat ia diterima oleh pihak pembuat tawaran. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada fakta kes, mahkamah memutuskan bahawa kontrak di antara plaintif dan defendan telah terbentuk di London kerana penerimaan defendan adalah lengkap dan berkuatkuasa apabila ia tiba ke pengetahuan plaintif.

Prinsip yang lahir daripada kes ini telahpun diterimapakai dalam kes-kes terkemudian di England seperti *Brinkibon Limited Iwn Stahag Stahl (1983) 2 AC 34*. Dalam kes *Brinkibon* ini, House of Lords (mahkamah tertinggi di England) telah memutuskan bahawa jika kaedah komunikasi yang digunakan di antara pembuat tawaran dan penerima tawaran itu adalah telex, kontrak itu terbentuk pada masa dan tempat di mana pesanan telex itu diterima.

Oleh itu, berdasarkan kepada kes *Entores* ini, dalam hal mana-mana komunikasi yang dilakukan secara langsung dan spontan, penerimaan hanya akan lengkap dan berkuatkuasa apabila ia diterima oleh pihak yang lain. Contohnya, dalam komunikasi penerimaan melalui telefon, oleh kerana ia juga adalah sama dengan perbualan yang dilakukan secara bersemuka, maka, apa-apa persetujuan yang diucapkan oleh penerima tawaran hanya akan berkuatkuasa pada saat ia didengar oleh pembuat tawaran. Disebabkan komunikasi melalui faksimili dan E-Mail (terutamanya jika kedua-dua pengguna komputer itu memberi respon pada masa yang sama) boleh dianggap sebagai komunikasi yang dibuat secara langsung dan spontan, maka, tidak ada sebab mengapa *ratio* dalam kes *Entores* ini tidak boleh digunakan.

Namun begitu, keputusan kes *Entores* ini tidak menyelesaikan segala kesamaran di sisi undang-undang berkenaan dengan kedudukan komunikasi melalui mesin telex, telefax dan E-Mail kerana ia tidak pula menyatakan secara spesifik tentang masa penerimaan itu mula lengkap dan berkuatkuasa: adakah memadai jika pesanan itu sampai ke mesin pembuat tawaran; atau adakah ianya perlu dibaca oleh pembuat tawaran; ataupun adakah ia hanya akan berkuatkuasa jika diterima pada waktu pejabat.

Salah satu cara untuk mewujudkan ketentuan dalam hal ini adalah dengan merujuk kepada kaedah yang terpakai dalam komunikasi secara bersemuka (*face to face communication*). Dalam penerimaan yang dibuat antara pihak yang bersemuka (dan dengan itu komunikasi secara spontan), penerimaan hanya lengkap dan berkuatkuasa apabila ia didengar oleh pembuat tawaran. Oleh itu, disebabkan komunikasi melalui telex, faksimili dan E-Mail (dalam keadaan yang dinyatakan di atas) boleh dianggap sebagai komunikasi secara spontan, maka, hujah yang sama boleh diutarakan iaitu pesanan penerimaan hendaklah dibaca terlebih dahulu oleh pembuat tawaran sebelum ia akan lengkap dan berkuatkuasa untuk membentuk perjanjian..

Walau bagaimanapun, hujah ini jika diterima tidak akan mewujudkan *commercial convenience* atau *business efficiency* kepada pihak-pihak yang berurusan dalam hal-hal perdagangan. Sepertimana halnya dengan penerimaan melalui pos dan telegram, penerima tawaran yang menghantar persetujuannya melalui telex, faksimili dan E-Mail telahpun melakukan segala-galanya untuk mengkomunikasikan penerimaannya dan berasaskan hujah *business efficiency*, adalah wajar sekiranya beliau dibenarkan untuk meneruskan urusan perniagaannya atas dasar bahawa suatu kontrak telahpun terbentuk. Dengan lain perkataan, sebaik sahaja penerimaan telah dihantar, penerima tawaran (dan pembuat tawaran) seharusnya berhak untuk melaksanakan kontrak tersebut. Pendekatan yang sama dengan kaedah pos ini adalah satu pendekatan yang munasabah kerana pihak-pihak yang terlibat dalam urusan perdagangan perlu mengetahui kedudukan mereka di sisi undang-undang setelah suatu penerimaan itu dihantar. Dengan itu, kedudukan penerima tawaran tidaklah tergantung-gantung sehinggalah pembuat tawaran mengesahkan bahawa ia telah menerima notis penerimaan itu. Sebagai sokongan kepada hujah *business efficiency* atau *commercial convenience* ini, kita boleh merujuk kepada kes *Tenax Steamship Limited Iwn The Brimnes (1975) 1 All ER 769* di mana Mahkamah Rayuan Inggeris bersetuju dengan pendapat hakim bicara bahawa notis yang dihantar melalui mesin telex berkuatkuasa ketika ia diterima dalam waktu pejabat, walaupun ia hanya dibaca kemudiannya. Namun, pendekatan dalam *The Brimnes* ini hendaklah diambil dengan berhati-hati kerana kes itu sebenarnya tidak menyentuh mengenai penerimaan melalui telex tetapi berkenaan dengan notis

Pemakaian Seksyen 4(2)(a)  
Akta Kontrak 1950 Dalam Era Elektronik

pembatalan melalui telex dan dengan itu, ia tidak boleh dijadikan sebagai sumber nas yang meyakinkan (*persuasive authority*) kepada mahkamah-mahkamah tempatan di Malaysia.

## 5.0 KESIMPULAN

Sepertimana yang telah dibincangkan, walaupun prinsip berkenaan dengan kaedah penerimaan yang dihantar melalui pos atau telegram jelas diperuntukkan oleh seksyen 4(2)(a) Akta Kontrak 1950, tidak banyak nas-nas yang menyentuh jenis-jenis komunikasi lain yang lebih canggih dalam era elektronik. Oleh itu, kesamaran, kekaburan dan ketaksaan di sisi undang-undang dalam hal ini perlu ditangani oleh badan perundangan mahupun oleh badan kehakiman sendiri. Dalam mencapai ketentuan dalam hal ini, badan perundangan dan kehakiman perlulah mempertimbangkan faktor-faktor seperti keadilan antara dua pihak yang berkontrak, ketentuan undang-undang, niat dan harapan pihak-pihak yang berkontrak, amalan perniagaan dan *business efficiency* sepertimana yang ditegaskan oleh Lord Wilberforce di dalam kes *Brinkibon Limited lwn Stahag Stahl (1983) 2 AC 34*.

## Rujukan

Akta Kontrak 1950 (Akta 136), International Law Book Services.

Card. R., Murdoch, J., and Schofield, P., (1994) Law for Estate Management Students, Butterworths.

Guest, A.G., (1984) Anson's Law of Contract, Clarendon Press.

Salleh Buang & Nordin Torji, (1992) Undang-undang Kontrak di Malaysia, Central Law Book Corporation.

Wu Min Aun & Vohrah, B., (1979) Undang-Undang Perdagangan Malaysia, Heinemann.

### Razani bin Ab. Rahim

Razani Ab Rahim mula menjawat jawatan Pensyarah di Panel Undang-undang dan Pentadbiran Harta Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1992. Beliau telah memperolehi LLB.Hons. dari University of East Anglia, UK dan LLM (Commercial Law) dari University of Bristol, UK. Bidang pengajaran beliau adalah dalam undang-undang kontrak, agensi, torts dan undang-undang tanah. Beliau juga telah menghasilkan tiga buah monograf terbitan Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi.